

PELANCONGAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN: ISU DAN CABARAN

Johan Afendi Ibrahim
Mohamad Zaki Ahmad
Kolej Sastera Dan Sains
Universiti Utara Malaysia
06010, Sintok, Kedah
Tel : 04-9283571/5994

Email: afendi@uum.edu.my/zaki.ahmad@uum.edu.my

ABSTRAK

Negeri Kedah Darul Aman merupakan antara negeri yang tertua di Malaysia kaya dengan sumberjaya alam semulajadi, warisan bersejarah dan buatan manusia yang berpotensi dibangunkan sebagai produk pelancongan. Pada awal tahun 1990an, kerajaan Negeri Kedah mula memberikan perhatian serius terhadap industri pelancongan disebabkan kemampuannya menjanakan pertumbuhan ekonomi negeri, mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan kepada penduduk dan mengubah landskap pembangunan kawasan luar bandar. Kerajaan menggubal beberapa dasar dan strategi bersesuaian seperti Dasar Kedah Maju 2010, Rancangan Struktur Negeri Kedah 2000 – 2020 dan Koridor Ekonomi Wilayah Utara 2007 – 2025 (NCER) bagi menggalakkan perkembangan pelancongan di negeri ini. Perkembangan pelancongan di Negeri Kedah sehingga kini telah banyak mengubah landskap fizikal terutamanya di kawasan luar bandar dan kawasan terpencil. Kawasan-kawasan ini mula menerima pembangunan hasil industri pelancongan dengan jumlah ketibaan pelancong yang semakin meningkat setiap tahun. Penduduk dan kerajaan negeri mula memperolehi kesan-kesan positif akibat pelancongan seperti peningkatan pertumbuhan ekonomi, peluang pekerjaan, peluang perniagaan dan keusahawanan, menerima bekalan infrastruktur dan kemudahan yang berkualiti, perkhidmatan dan sebagainya. Walau bagaimanapun, sejak kebelakangan ini industri pelancongan Negeri Kedah mula mengalami beberapa isu yang berupaya mengancam pertumbuhannya pada masa depan. Oleh itu, bagi mengatasi permasalahan yang timbul, beberapa tindakan yang sesuai perlu dirancang dan dilaksanakan bagi memastikan industri pelancongan negeri berada dalam keadaan mapan. Kertas seminar ini akan membincangkan mengenai konsep kesan pelancongan terhadap destinasi, sebab-sebab kerajaan berminat membangunkan industri pelancongan, lokasi-lokasi pelancongan utama Negeri Kedah, statistik kedatangan pelancong mengikut tempat dan pecahan domestik dan antarabangsa, dasar dan strategi semasa kerajaan terhadap pelancongan negeri, isu-isu semasa pelancongan Negeri Kedah dan tindakan yang perlu dilakukan bagi mengatasi permasalahan yang timbul.

Kod JEL : L8 L83

Kata kunci : pelancongan, isu dan masalah, kedah.

PENGENALAN

Pelancongan kini dilihat sebagai satu sektor yang menguntungkan terutamanya kepada negara-negara yang dilawati pelancong. Ia dilihat mampu bertindak sebagai pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi negara, merapatkan jurang antara wilayah, pembasmian kemiskinan penduduk, pengurangan kadar pengangguran, penyediaan kemudahan infrastruktur di kawasan luar bandar dan memperbaiki taraf perkhidmatan (pengangkutan, utiliti) kepada rakyat. Pelancongan juga memberi peluang kepada penduduk mendapat pendidikan dan mewujudkan pemikiran yang lebih terbuka terhadap pembangunan.

Kesan daripada sumbangannya, kerajaan menggalakkan pembukaan lokasi-lokasi baru terutamanya yang mempunyai sumberjaya pelancongan yang menarik sebagai destinasi pelancongan. Bagi mencapai hasrat ini, kerajaan menggalakkan penglibatan swasta menjayakan pembangunan destinasi. Kawasan yang dahulunya sunyi dan terpinggir telah diterokai dengan menawarkan pelbagai konsep, kemudahan dan perkhidmatan pelancongan bagi menarik kedatangan pelancong.

Kemasukan pelancong ke sesebuah destinasi mewujudkan permintaan dan penawaran terhadap aktiviti, penginapan, makanan dan minuman, perkhidmatan, kemudahan dan sebagainya. Oleh itu, pengusaha perlu menyediakan penginapan, makanan dan minuman, kemudahan dan perkhidmatan dengan secukupnya bagi menampung permintaan tersebut. Apabila kuasa pasaran mendominasi, wang memainkan peranan dalam mencorakkan pembangunan destinasi di mana pengusaha berusaha memperolehi keuntungan yang maksimum daripada pelaburan yang dilakukan.

Pembangunan secara *adhoc* menyebabkan wujudnya kesan-kesan negatif terutamanya terhadap alam sekitar dan sosial. Penerokaan tanah tidak terkawal, penggunaan sumberjaya yang berlebihan, pembuangan sisa yang tidak dirawat berlaku akibat daripada aktiviti pelancongan. Selain itu, penduduk tempatan yang tinggal berhampiran destinasi merasa terancam dengan diskriminasi peluang pekerjaan, pendapatan, keusahawanan serta gejala sosial akibat kemasukan budaya asing yang bertentangan dengan budaya penduduk. Jika perkara ini dibiarkan berlarutan, destinasi yang dikunjungi ramai pelancong pada satu ketika dahulu merosot secara perlahan-lahan dan proses untuk memulihara sumberjaya yang rosak mungkin tidak dapat diselamatkan lagi. Oleh itu, dapat dikatakan pelancongan akan mengalami nasib yang sama dengan sektor-sektor ekonomi lain jika tiada satu rancangan khusus yang digubal bagi memandu perkembangannya disamping merangka langkah-langkah yang sesuai bagi mencegah kemerosotannya untuk jangka masa panjang.

Kedah Darul Aman merupakan negeri yang terletak di utara Semenanjung Malaysia. Aktiviti ekonomi utama adalah pertanian meliputi penanaman padi dan getah sehingga dikenali sebagai ‘Jelapang Padi Malaysia’. Perbincangan tertumpu kepada perkembangan pelancongan di Negeri Kedah sepanjang tempoh 21 tahun, isu dan cabaran yang dihadapi serta tindakan-tindakan yang perlu diambil bagi memastikan industri ini terus mapan.

PELANCONGAN KEDAH DARUL AMAN

Perkembangan pesat pelancongan di Negeri Kedah bermula apabila Pulau Langkawi mendapat pengiktirafan sebagai zon bebas cukai pada tahun 1987 sekaligus dibangunkan sebagai destinasi pelancongan yang terkemuka di peringkat antarabangsa. Pada asalnya, Langkawi merupakan sebuah petempatan masyarakat nelayan dimana aktiviti ekonomi utamanya adalah menangkap ikan di persisiran pantai dan pertanian. Kedatangan pelancong ke Langkawi telah mengubah landskap fizikal dan ekonomi pulau tersebut dengan penerokaan kawasan-kawasan baru yang dibangunkan sebagai pusat peranginan berskala besar, penyediaan infrastruktur dengan terbinanya jalan raya, bekalan elektrik, bekalan air dan telekomunikasi yang berkualiti.

Pelancongan juga telah merubah aktiviti ekonomi penduduk Langkawi. Jika dahulu, majoriti penduduk bekerja dalam sektor pertanian tetapi kini telah berubah kepada sektor perkhidmatan dengan bekerja di pusat-pusat peranginan. Kadar pengangguran dan kemiskinan semakin menurun disebabkan wujud banyak peluang-peluang pekerjaan baru yang menawarkan pendapatan yang agak lumayan. Oleh itu, pelancongan dilihat berjaya dalam meningkatkan taraf sosioekonomi penduduk tempatan. Pelancongan juga berjaya

dalam membuka minda penduduk tempatan untuk berubah kepada keadaan yang lebih baik dimana mereka berusaha meningkatkan penguasaan ilmu pengetahuan dalam pelancongan disamping menerokai peluang-peluang baru seperti menjadi usahawan dengan membuka agensi pelancongan, menawarkan perkhidmatan kereta sewa, membuka kedai makanan dan minuman, menjual barang kraftangan, pengusaha bot dan sebagainya.

Akibat daripada perkembangan industri pelancongan yang memberangsangkan di Langkawi, kerajaan negeri memberikan perhatian serius dalam menjadikan pelancongan sebagai salah satu agen pertumbuhan ekonomi negeri. Pada awal tahun 2000, kerajaan negeri merangka satu rancangan pembangunan bersepada untuk menjadikan Kedah sebagai negeri maju menjelang tahun 2010. Rancangan yang dikenali sebagai Kedah Maju 2010 mengandungi beberapa strategi, program dan projek bagi mempercepatkan pembangunan ekonomi Negeri Kedah serta menangani cabaran-cabaran baru di masa depan. Pelancongan merupakan antara sektor yang diberikan perhatian khusus bagi memacu pertumbuhan ekonomi negeri. Selain itu, terdapat beberapa dasar lain seperti Rancangan Struktur Negeri Kedah 2002 – 2020 dan Koridor Ekonomi Wilayah Utara 2007 - 2025 dikemukakan bagi menggerakkan pelancongan Negeri Kedah (Jadual 1).

Jadual 1: Dasar-Dasar Kerajaan Untuk Menjadikan Negeri Kedah Sebagai Destinasi Pelancongan

| Dasar Pelancongan Negeri Kedah (Kedah Maju 2010) |
|--|
| Konsep pembangunan pelancongan Negeri Kedah : |
| <ul style="list-style-type: none"> • Membangunkan produk pelancongan dengan memberikan penekanan terhadap produk-produk berpotensi tinggi terutama alam semulajadi dan sejarah secara mapan; • Menggalakkan penglibatan dan penyertaan penduduk tempatan termasuk swasta di Negeri Kedah dalam pembangunan sektor pelancongan; • Meningkatkan usaha-usaha penggalakkan pelancongan bagi pasaran dalam dan luar negeri dengan tumpuan kepada produk pelancongan yang berpotensi tinggi dengan lebih kreatif. |
| Dan strategi-strategi lain seperti : |
| <ul style="list-style-type: none"> • Keutamaan diberikan untuk meningkatkan perkhidmatan seperti hotel-hotel serta penubuhan sumber pelancongan seperti tempat perkemahan, padang golf dan taman rekreasi; • Peluang untuk pelaburan termasuk pasaran baru seperti ekopelancongan, Gunung Jerai, Tasik Pedu dan Ulu Muda (kehijauan hutan dan kehidupan kampung); • Memajukan pelancongan berdasarkan pertanian; • Meningkatkan potensi pembangunan pelancongan yang berkaitan dengan air seperti marina, kemudahan sukan air, pelayaran dan perkhidmatan bot; • Hiburan dan industri perkhidmatan seperti persempahan kebudayaan, restoran dan tempat makan. |

Sumber : Kerajaan Negeri Kedah, 2000.

| Draf Rancangan Struktur Negeri Kedah 2002 - 2020 |
|---|
| DS11-1 : Memantap Dan Mempertingkatkan Industri Pelancongan Sebagai Penggerak Utama Ekonomi Negeri Kedah |
| DS11-1L1 : Menumpukan pembangunan pelancongan kepada dua zon iaitu zon utama |

dan zon sokongan.

- i. Zon Utama
 - Langkawi
- ii. Zon Sokongan
 - Kota Star (Bandaraya Alor Star – Gunung Keriang – Bukit Wang – Bukit Kayu Hitam dan sebagainya).
 - Padang Terap dan Sik (Tasik Pedu – Tasik Ulu Muda dan kawasan hijau sekitarnya).
 - Yan (Sungai Petani – Gunung Jerai – Lembah Bujang – Pulau Songsong – Pulau Bunting – Pulau Bidan dan kawasan sekitarnya).
 - Kulim dan Baling (Sungai Kisap – Homestay Kampung Relau dan Kampung Raga – Sedim – Gunung Bintang – Air Panas Ulu Legong – Bukit Hijau – Petempatan Orang Asli, Gunung Baling – Lata Bayu – Homestay dan berkayak Felda Telo Kanan – Padang Golf – Bukit Hijau – Ulu Sedim – Gunung Bintang dan kawasan sekitarnya).

DS11-1L2 : Membentuk rangka organisasi Pelan Tindakan Pelancongan Negeri Kedah yang melibatkan pelbagai agensi kerajaan untuk merancang, menyelaras dan memantau pembangunan pelancongan Negeri Kedah.

DS11-1L3 : Memulihara dan menjaga persekitaran fizikal dan warisan yang merupakan produk-produk pelancongan utama.

DS11-1L4 : Pemberian incentif dan bantuan kewangan bagi projek pembangunan pelancongan yang berdaya saing.

DS11-1L5 : Membangunkan program *homestay* atau daya tarikan agropelancongan sebagai usaha meningkatkan penglibatan masyarakat luar bandar.

DS11-2 : Menaiktaraf Prasarana Pelancongan Dari Aspek Aksessibiliti Dan Kemudahan Sokongan Pelancongan

DS11-2L1 : Membentuk dan memantau Sistem Pengawalan Kualiti ke atas piawaian dan kemudahan dan perkhidmatan produk-produk pelancongan dari kecukupan, kualiti, keupayaan, keselamatan dan kebersihan.

DS11-2L2 : Memastikan pintu keluar-masuk utama di Negeri Kedah (Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi, Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, Jeti Kuah, Jeti Kuala Kedah, Bukit Kayu Hitam) dan hentian rehat & rawat mempunyai kemudahan sokongan pelancongan yang mencukupi dan selesa.

DS11-2L3 : Meningkatkan penyediaan kemudahan sokongan pelancongan seperti tempat letak kereta yang mencukupi, tandas awam, bilik persalinan, jeti untuk *island hopping* dan sebagainya.

DS11-2L4 : Menaiktaraf dan mengintegrasikan secara bersepada sistem pengangkutan awam (bas awam, teksi, feri).

DS11-3 : Mempelbagaikan Sumber-Sumber Pelancongan Baru Bagi Menambahkan Daya Tarikan Di Tanah Besar Kedah

DS11-3L1 : Membangunkan pelancongan mengikut tema dengan mempelbagaikan dan

meningkatkan produk pelancongan di Tanah Besar Kedah bagi menarik kedatangan pelancongan. Tarikan berpotensi seperti :

- i. Tarikan Semulajadi
 - Hutan lipur, rimba rekreasi, air terjun seperti Hutan Lipur Batu Hampar, Hutan Lipur Lata Bayu (Lata Asam Jawa), Air Terjun Temurun, Air Terjun Tasik Pedu dan lain-lain lokasi yang terdapat di Tanah Besar Kedah.
 - Bukit Peranginan seperti Gunung Jerai, Tangga Kenari 1000 Tahun, Gunung Raya dan Gunung Bintang.
 - *Wetlands* (hutan paya bakau, sungai, tasik, sawah padi) Sungai Kilim dan Sungai Kisap (*mangrove trail*), Tasik Pedu, Sungai Sedim, Tasik Ulu Muda, Sungai Kedah dan Sungai Anak Bukit (*river cruise*).
- ii. Tarikan Sejarah Dan Warisan
 - Tempat bersejarah seperti Muzium Arkeologi Lembah Bujang, Tapak Arkeologi Sungai Mas, Gerbang Kuala Muda dan lain-lain lokasi.
 - Bangunan Warisan seperti Balai Besar, Masjid Zahir.
 - *War Trail* di Jitra (tapak perang dan runtuhan), Kubu Jepun Kubang Pasu.
 - Membangunkan perkampungan Melayu dan Orang Asli untuk dijadikan pakej *homestay* (kebudayaan dan pertanian).
- iii. Tarikan Buatan Manusia
 - Membangunkan destinasi membeli-belah sebagai produk sokongan Negeri Kedah di Langkawi dan Bukit Kayu Hitam.
 - Pakej pelancongan berasaskan golf di Tasik Pedu atau Bukit Kayu Hitam.
 - *Langkawi Yatch Club* dan Rebak Marina berpotensi dijadikan destinasi marina bertaraf antarabangsa.

Sumber : Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Negeri Kedah, 2005.

Koridor Ekonomi Wilayah Utara 2007-2025 (NCER) – Pelancongan Kedah

Tumpuan pembangunan kepada destinasi utama pelancongan :

- i. Lembah Bujang : Pelancongan Eko-Sejarah
 - Memperoleh sijil perakuan tapak dari Pusat Warisan Dunia UNESCO untuk tapak-tapak warisan arkeologi.
 - Mengawalselia pembangunan fizikal di kawasan berkenaan dan menggalakkan rekaan senibina yang mempamerkan sejarah Malaysia.
 - Menganjurkan jadual acara-acara penting sepanjang tahun, seperti lakonan semula peristiwa-peristiwa bersejarah, aktiviti mencari harta karun dan sebagainya.
 - Mewujudkan pusat pameran sejarah terunggul bagi menempatkan rangkaian pameran sementara dari luar negara dan juga pameran dari simpanan Arkib Negara Malaysia.
 - Mewujudkan muzium yang mempamerkan sejarah, budaya dan mitos-mitos dari Asia Tenggara dan Malaysia, yang akan turut menempatkan pameran bersifat interaktif yang disasarkan pada golongan kanak-kanak yang masih bersekolah.
 - Mewujudkan akademi persembahan seni tradisional, yang tertumpu kepada alat muzik tradisional, tarian dan persembahan
- ii. Pulau Langkawi : Pelancongan Perubatan Sokongan
 - Membangunkan resort kelas dunia yang mensasarkan pelancong antarabangsa yang memfokuskan kepada perubatan tradisional dan spa.

- Mempelbagaikan jenis tarikan di Langkawi seperti :
 - Membangunkan pusat pemeliharaan marin.
 - Dusun dan program homestay.
 - Pelancongan pengembaraan (*buggy-jumping, flying fox, jungle pinball and paragliding*).
 - Pusat pameran.
 - Pusat kesenian dan kebudayaan.
 - Zoo haiwan peliharaan.
 - Pelayaran.
 - Pusat membeli-belah jualan gudang (*factory outlets*).
- Membangunkan pakej insentif supaya pelancong dapat memanjangkan tempoh menginap, dan berbelanja lebih di Langkawi.

iii. Kuala Nerang : Destinasi percutian keluarga

- Meningkatkan jaringan perhubungan antara Lapangan Terbang Alor Star ke Kuala Nerang.
- Meningkatkan jaringan perhubungan antara Kuala Nerang ke Tasik Pedu.
- Mewujudkan aktiviti-aktiviti tasik yang memenuhi standard pelancong luar negara yang tinggi. Antaranya seperti luncur air, memancing dan bersampang.
- Mengendalikan acara tempatan atau serantau seperti perlumbaan bot, pertunjukan atau kejohanan luncur air dan lain-lain.
- Menarik minat muzium atau pameran utama, khusus untuk keluarga dan kanak-kanak. Sebagai contoh, pameran *Ripley's Believe it or Not*.
- Memperkenalkan beberapa aktiviti keluarga seperti belon udara panas dan taman tema air.
- Mewujudkan kem percutian untuk kanak-kanak.
- Mewujudkan pusat pembelajaran interaktif / eksplorasi seperti pusat angkasa dan pusat sains.
- Mewujudkan beberapa padang golf di kawasan sekitar.

iv. Meningkatkan penglibatan penduduk tempatan dalam pelancongan.

Sumber : Sime Darby, 2007.

Perkembangan pelancongan di Negeri Kedah menyumbangkan pendapatan yang lumayan kepada kerajaan negeri sebanyak RM 3.6 billion pada tahun 2001 (UPEN Kedah, 2002 dalam Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Kedah, 2003). Pendapatan kerajaan negeri hasil daripada pelancongan dijangkakan terus meningkat berdasarkan kedatangan pelancong yang semakin ramai ke negeri ini disamping promosi yang berterusan oleh kerajaan.

Kedatangan pelancong ke Negeri Kedah mencatatkan peningkatan sepanjang tahun. Walau bagaimanapun, trend kemasukan pelancong ini dipengaruhi oleh suasana ekonomi, politik dan bencana global yang dialami di kebanyakan negara. Bilangan kemasukan pelancong ke Negeri Kedah didapati merosot pada tahun 1997 dan 1998 disebabkan krisis kewangan yang melanda Asia Timur dan kejadian jerebu yang teruk akibat pembakaran hutan di Indonesia (Jadual 2). Majoriti pelancong yang datang tertumpu di Pulau Langkawi yang mewakili 70% berbanding tanah besar Kedah sebanyak 30% (Jadual 6).

Jadual 2: Bilangan Kedatangan Pelancong Ke Negeri Kedah 1995 – 2006

| Tahun | Bilangan (orang) |
|-------|------------------|
| 1995 | 1,691,704 |

| | |
|------|-----------|
| 1996 | 1,864,827 |
| 1997 | 1,544,191 |
| 1998 | 1,243,957 |
| 1999 | 1,518,347 |
| 2000 | 1,578,811 |
| 2001 | 1,930,949 |
| 2002 | 2,132,122 |
| 2003 | 2,477,368 |
| 2004 | 2,920,223 |
| 2005 | 2,880,281 |
| 2006 | 3,042,197 |

Sumber : Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Kedah, 2007.

Pelancong domestik adalah majoriti yang mengunjungi Negeri Kedah mewakili 65% berbanding dengan pelancong antarabangsa sebanyak 35%. Pelancong domestik lebih cenderung kepada melakukan lawatan secara *single destination, self-drive* dan *day trippers* dimana menyumbang kepada tempoh menginap yang singkat. Selain itu, tujuan perjalanan mereka tertumpu kepada melawat rakan dan saudara mara, singgah beberapa jam di bandar-bandar, kawasan air terjun, rimba rekreasi atau di Bukit Kayu Hitam untuk membeli-belah (Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa, 2003).

Pelancong antarabangsa lebih cenderung kepada *multi destination*, bersifat *stop over* dan berada di sesuatu destinasi dalam tempoh yang lama. Kedatangan mereka adalah bermusim terutama pada bulan November, Disember dan Januari yang tertumpu di Pulau Langkawi. Kadar perbelanjaan mereka adalah lebih tinggi berbanding pelancong domestik dimana puratanya mereka berbelanja RM 500 / hari berbanding pelancong domestik sebanyak RM 250 / hari (LADA, 2001 dalam Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Kedah, 2003). Majoriti pelancong antarabangsa adalah dari negara-negara ASEAN, Asia Timur dan Selatan, Eropah Utara dan Barat dan Oceania serta Amerika Syarikat.

Tarikan utama pelancong di Negeri Kedah terdiri daripada alam semulajadi, warisan budaya dan buatan manusia. Sebanyak 133 tarikan pelancongan di Negeri Kedah kesemuanya tetapi Jadual 3 menunjukkan tarikan-tarikan utama yang menarik minat pelancong.

Jadual 3: Tarikan Pelancongan Utama Negeri Kedah

| Alam Semulajadi | |
|-------------------------------------|--|
| Taman Laut Pulau Payar | Pantai Cenang |
| Pulau Dayang Bunting | Telaga Tujuh |
| Gunung Jerai | Hutan Lipur Bukit Hijau |
| Kolam Air Panas Ulu Legong | Hutan Lipur Lata Bayu |
| Hutan Lipur Sungai Sedim | Pantai Tengah |
| Warisan Budaya | |
| Makam Mahsuri | Pekan Cina dan Pekan Melayu, Alor Star |
| Lembah Bujang | Muzium Padi, Gunung Keriang |
| Homestay Kampung Raga, Yan | Rumah Kelahiran Dr. Mahathir Mohamed |
| Balai Besar, Alor Star | Balai Nobat, Alor Star |
| Homestay Wang Tok Rendong, Langkawi | Beras Terbakar, Langkawi |
| Buatan Manusia | |
| The Carnival, Sungai Petani | Menara Alor Star |
| Pekan Rabu, Alor Star | Underwater World, Langkawi |
| Kereta Kabel Gunung Machinchang | Langkawi Crystal |

| | |
|---------------------------|-------------------------------|
| Galeria Perdana, Langkawi | Telaga Harbour Park, Langkawi |
| Langkawi Golf Club | Dataran Lang, Langkawi |

Sumber : Kerajaan Negeri Kedah, 2008.

Bagi merancakkan perkembangan industri pelancongan, kerajaan negeri telah merangka beberapa strategi dan melakukan promosi secara agresif. Kerajaan negeri telah melancarkan program Tahun Melawat Kedah sebanyak dua kali iaitu pada tahun 2000 dan terkini pada tahun 2008 sempena Sambutan Jubli Emas 50 Tahun Pemerintahan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah. Selain itu, Negeri Kedah juga menjadi lokasi penganjuran acara-acara utama bertaraf dunia seperti Langkawi International Maritime and Aerospace (LIMA), lumba basikal Le Tour de Langkawi, Langkawi International Regatta, Langkawi Ironman Triathlon dan Langkawi International Dialogues (LID).

ISU DAN CABARAN

Setelah 21 tahun (1987 – 2008), industri pelancongan bertapak di Negeri Kedah, beberapa isu dan cabaran dikenalpasti iaitu :

i. Perubahan Terhadap Trend Pasaran Pelancongan Dunia

Trend pasaran pelancongan dunia sentiasa berubah semenjak tahun 1950an disebabkan oleh kehendak pelancong yang berbeza-beza. Era globalisasi memberi kesan terhadap perubahan citarasa dan kehendak pelancong. Sepanjang tahun 1950 sehingga 1990, majoriti pelancong melakukan perjalanan bertujuan untuk berehat daripada keletihan bekerja, ingin bersama-sama rakan dan saudara mara serta melakukan aktiviti membeli-belah. Perkembangan konsep pelancongan massa menyumbang kepada pembukaan destinasi-destinasi baru bagi menampung permintaan pelancong yang semakin meningkat.

Walau bagaimanapun, trend pasaran pelancongan dari tahun 1990 sehingga kini menunjukkan perubahan berbanding sebelumnya. Pelancong bukan sahaja melakukan perjalanan seperti tujuan berehat dan membeli-belah di bandar-bandar utama tetapi ke tempat-tempat yang mempunyai tarikan alam semulajadi (ecotourism), kawasan luar bandar yang mempunyai unsur-unsur pertanian (agrotourism) dan warisan sejarah (cultural and historic tourism). Pelancong kini menginginkan pengalaman, mempelajari sesuatu yang baru, malarikan diri daripada rutin harian, nostalgia dan pengalaman eksotik dalam perjalanan yang dilakukan (Jadual 4 dan 5).

Jadual 4: Perubahan Pasaran Pelancong Negara Barat

| Segmen Pasaran | Motivasi Perjalanan | Peratusan Pasaran | |
|---|--|-------------------|---------|
| | | 1986 | 2000 |
| Berteraskan Kerja (hidup untuk bekerja) | <ul style="list-style-type: none"> • Penyembuhan – berehat, keinginan dilayan oleh orang lain, tidak melakukan apa-apa, pasif • Liberal – tidak bekerja dan tiada masalah | 10 – 20 | + 10 |
| Mengikut gaya hidup (bekerja merupakan sebahagian daripada hidup) | <ul style="list-style-type: none"> • Mendapatkan pengalaman terhadap sesuatu yang berlainan, meneroka, inginkan perubahan. • Mendapatkan keseronokan diri sendiri. • Menjadi aktif bersama orang lain. • Berehat tanpa tekanan | = 60 | 45 – 60 |
| Ingin kan sesuatu yang baru dalam | <ul style="list-style-type: none"> • Mempelajari sesuatu yang baru. • Kembali kepada hidup yang ringkas | 20 – 30 | 30 - 45 |

| | | | |
|---|--|--|--|
| kehidupan seharian (menyeimbangkan kerja dengan senggang) | <p>dan mesra alam.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kreatif, berfikiran terbuka. • Mempelajari sesuatu daripada ujikaji yang dilakukan | | |
|---|--|--|--|

Sumber : Krippendorf, 1987 dalam Hall & Weiler, 1992.

Jadual 5: Motivasi Pelancong Berkaitan Pelancongan Minat Tertentu

| Lokasi | Aktiviti Minat Tertentu | Motivasi |
|-----------------|---|---|
| Bandar | Muzium | Mengetahui sesuatu yang baru, kepelbagaian, meneroka, keaslian, keunikan, pendidikan. |
| | Galeri Seni | Emosi, kecantikan, ekslusif, keunikan, keaslian, pendidikan. |
| | Warisan | Suasana, keaslian, meneroka, pendidikan. |
| | Perayaan Kesenian dan Komuniti | Keaslian, emosi, melepaskan diri daripada rutin harian. |
| | Persembahan Kesenian | Emosi, melepaskan diri daripada rutin harian. |
| | Perjalanan Budaya | Keaslian, keunikan, hubungan sosial, mengetahui sesuatu yang baru. |
| | Pelancongan Sukan | Melakukan pertunjukan hebat, meningkatkan kesejahteraan fizikal badan, hubungan sosial. |
| Luar Bandar | Perjalanan Budaya | Keaslian, keunikan, hubungan sosial, mengetahui sesuatu yang baru, pendidikan. |
| | Perayaan Kesenian dan Komuniti | Keaslian, emosi, melepaskan diri daripada rutin harian. |
| | Warisan | Suasana, keaslian, meneroka, pendidikan. |
| | Pelancongan Pengembaraan | Berani ambil risiko, meneroka bersendirian, merasa bangga, berhubungan dengan alam semulajadi, hubungan sosial. |
| | Pelancongan Kesihatan | Meningkatkan kesejahteraan fizikal badan. |
| | Pelancongan Sukan | Meningkatkan kesejahteraan fizikal badan, hubungan sosial. |
| | Pelancongan Pertanian dan Penternakan | Berhubungan dengan alam semulajadi dan persekitaran luar bandar, hubungan sosial, meneroka. |
| Alam Semulajadi | Pelancongan Berteraskan Alam Semulajadi | Berhubungan dengan alam semulajadi, penerokaan, pengetahuan, pendidikan, ingin tahu secara saintifik. |
| | Pelancongan Pengembaraan | Berani ambil risiko, meneroka bersendirian, merasa bangga, berhubungan dengan alam |

| | | |
|--|--|------------------------------|
| | | semulajadi, hubungan sosial. |
|--|--|------------------------------|

Sumber : Young & Crandall, 1984; Hall, 1989; Tabata, 1989; Hall & Zeppel, 1990; Zeppel & Hall, 1991 dalam Hall & Weiler, 1992.

Sepertimana yang diketahui, pelancongan merupakan industri yang fleksibel kepada persekitaran. Oleh itu, pihak-pihak yang berkepentingan (stakeholder) di Negeri Kedah perlulah peka dan sentiasa mengikuti dan bertindak mengikut perkembangan pelancongan dunia bagi memastikan pelancongan di Negeri Kedah berada dalam keadaan mapan.

ii. Situasi Politik dan Ekonomi Semasa

Semenjak akhir 1990an sehingga kini, memperlihatkan berlakunya keadaan ketidakstabilan situasi politik dan ekonomi dunia mempengaruhi perkembangan industri pelancongan. Krisis kewangan yang melanda negara-negara Asia Timur pada tahun 1997-1998 menyumbang kepada kemerosotan pertumbuhan pelancongan dunia daripada 4.1% (1997) kepada 3.0% (1998) dan 3.7% (1999). Wilayah Asia Pasifik amat terjejas dengan kemelesetan ekonomi dengan mengalami kemerosotan pertumbuhan pelancongan sebanyak -0.8% (1997), -0.4% (1998) dan meningkat semula kepada 10.4% (1999). Perang Teluk II di Timur Tengah, pembakaran hutan yang mengakibatkan jerebu di sebahagian besar Asia Tenggara dan penularan Wabak SARS yang melanda Asia Timur pada tahun 2003 menyumbang kepada kemerosotan pertumbuhan pelancongan antarabangsa kepada -1.7%. Wilayah Amerika dan Wilayah Asia Pasifik amat terjejas dengan tragedi ini dengan mencatatkan pertumbuhan masing-masing -3.1% dan -9.3% disebabkan kekhawatiran untuk melakukan perjalanan atas sebab keselamatan dan kesihatan (World Tourism Organization, 2008).

Kini, dunia mengalami situasi peningkatan harga minyak yang mempengaruhi pertumbuhan ekonomi negara dan corak perjalanan pelancong. Peningkatan ini akan menyebabkan kebanyakan negara mengalami kadar inflasi yang tinggi disamping peningkatan kos sara hidup penduduk yang menyumbang kepada pengurangan lebihan pendapatan (*disposable income*) yang kebiasaannya digunakan bagi melakukan perjalanan. Kesan kenaikan harga minyak terhadap pelancongan di Negeri Kedah dapat dilihat apabila pengusaha feri ke Langkawi menuntut kenaikan harga tambang bagi menanggung kos bahanapi (Utusan Malaysia, 10 Mac 2008). Selain itu, peningkatan minyak telah menyebabkan kerajaan mengamalkan perbelanjaan berhemah dimana mengeluarkan arahan tidak membenarkan jabatan-jabatan kerajaan mengadakan kursus atau apa-apa acara di hotel. Oleh itu, pengusaha hotel bajet dan resort secara kecil-kecilan di Langkawi mengalami kerugian yang teruk akibat penguatkuasaan pekeliling kerajaan (Utusan Malaysia, 12 Julai 2008).

Perubahan pentadbiran kerajaan negeri kesan daripada Pilihanraya Umum ke 12, sedikit sebanyak mempengaruhi perkembangan ekonomi dan pelancongan negeri. Bagi memastikan industri pelancongan negeri tidak terjejas, dasar dan strategi yang dirancang dahulu perlu diteruskan bagi memastikan Negeri Kedah kekal menjadi negeri yang mesra pelabur dan pelancong.

iii. Kedudukan Negeri Kedah Sebagai Destinasi Pelancongan Dalam Konteks Malaysia, Wilayah IMT-GT dan ASEAN

Kedah merupakan salah satu negeri yang diminati pelancong domestik dan antarabangsa. Sumberjaya pelancongan yang dimiliki meliputi alam semulajadi, warisan bersejarah dan buatan manusia merupakan kekuatan kepada perkembangan industri ini. Walau bagaimanapun, kedudukannya sebagai destinasi pelancongan yang terkemuka perlu dilihat semula kerana perubahan persekitaran pelancongan semasa. Negeri-negeri lain di

Malaysia kini secara agresif membangunkan industri pelancongan dengan menawarkan produk-produk baru bagi memenuhi pasaran pelancongan. Kedatangan pelancong di Malaysia kini lebih tertumpu kepada zon-zon pelancongan utama seperti Melaka (warisan bersejarah), Kuala Lumpur (membeli-belah dan MICE), Pulau Pinang (warisan bersejarah dan alam semulajadi), negeri-negeri Pantai Timur, Sabah dan Sarawak (alam semulajadi, pantai, pulau dan warisan bersejarah). Oleh itu, sektor pelancongan Negeri Kedah seharusnya perlu dibangunkan secara agresif bagi memastikan tidak ketinggalan dalam arus pelancongan semasa.

Sepertimana yang diketahui, ASEAN merupakan wilayah yang pesat berkembang dalam sektor pelancongan pada masa kini dan dijangka mampu menguasai pasaran pelancongan dunia pada masa depan. ASEAN menerima ketibaan pelancong antarabangsa seramai 49.3 juta orang pada tahun 2005 mewakili 6.1% daripada jumlah ketibaan pelancong dunia (World Tourism Organization, 2008). Ketika ini Malaysia masih lagi mendahului penerimaan ketibaan pelancongan dunia berbanding negara-negara ASEAN lain tetapi beberapa strategi dan pendekatan baru perlu dilaksanakan supaya dapat bersaing dengan negara-negara lingkungan Asia Tenggara dan Asia Timur yang agresif dalam menarik pelancong.

Langkawi sebagai destinasi pelancongan antarabangsa menghadapi persaingan yang sengit dengan destinasi-destinasi pulau yang lain seperti Phuket, Thailand dan Bali, Indonesia. Perkembangan pembangunan pelancongan di Langkawi boleh dikatakan hampir mencapai tahap tepu (*stagnation*) di mana amat bergantung dengan produk pelancongan sedia ada bagi menarik pelancong. Selain itu, penamatkan perkhidmatan Penerbangan Malaysia (MAS) untuk laluan terus Langkawi – Heathrow disebabkan kerugian yang dialami disamping penolakan kerajaan persekutuan terhadap permintaan status langit terbuka telah membataskan peluang syarikat penerbangan antarabangsa lain untuk menawarkan perkhidmatan perjalanan terus ke Langkawi (Utusan Malaysia, 22 April 2006). Walau bagaimanapun, industri pelancongan Langkawi dijangka terus melonjak setelah mendapat status ‘Geopark’ yang pertama di Asia Tenggara oleh UNESCO pada 1 Jun 2007.

iv. Kemasukan Pelancong Yang Tidak Seimbang Antara Langkawi Dan Tanah Besar Kedah

Sebanyak 70% daripada jumlah keseluruhan pelancong yang datang ke Negeri Kedah tertumpu di Pulau Langkawi sepanjang tempoh 1995 – 2006 (Jadual 6). Kadar bermalam pelancong antara kedua-dua tempat ini mencatatkan perbezaan yang ketara iaitu Langkawi selama 5.33 malam berbanding tanah besar Kedah selama 2.13 malam. Pelancong domestik menyumbang kepada tempoh penginapan yang singkat.

Jadual 6: Pecahan Bilangan Pelancong Yang Mengunjungi Pulau Langkawi Dan Tanah Besar Kedah 1995 – 2006

| Tahun | Pulau Langkawi | | Tanah Besar Kedah | |
|-------|----------------|---------|-------------------|---------|
| | Bilangan | Peratus | Bilangan | Peratus |
| 1995 | 1,169,147 | 69.1 | 522,557 | 30.9 |
| 1996 | 1,187,015 | 63.7 | 677,812 | 36.3 |
| 1997 | 1,065,089 | 69.0 | 479,102 | 31.0 |
| 1998 | 873,689 | 70.2 | 370,268 | 29.8 |
| 1999 | 1,057,658 | 69.7 | 460,689 | 30.3 |
| 2000 | 1,079,223 | 68.4 | 499,588 | 31.6 |
| 2001 | 1,302,953 | 67.5 | 627,996 | 32.5 |
| 2002 | 1,529,222 | 71.7 | 602,900 | 28.3 |

| | | | | |
|------|-----------|------|---------|------|
| 2003 | 1,789,157 | 72.2 | 688,211 | 27.8 |
| 2004 | 2,179,629 | 74.6 | 740,594 | 25.4 |
| 2005 | 1,892,401 | 65.7 | 987,880 | 34.3 |
| 2006 | 2,043,956 | 67.2 | 998,241 | 32.8 |

Sumber : Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Kedah, 2007.

Berdasarkan situasi yang berlaku, dikhawatir saranan kerajaan negeri bagi menjadikan pelancongan sebagai sumber ekonomi dan memangkin pembangunan luar bandar tidak tercapai kerana pembangunan pelancongan hanya tertumpu di kawasan-kawasan tertentu sahaja di Negeri Kedah. Jika dilihat dalam konteks yang lebih terperinci, pelancong yang datang ke Alor Star tahun 2006 berjumlah 293,703 orang sahaja mewakili 29.4% daripada jumlah pelancong yang datang tanah besar Kedah dan mewakili 9.7% daripada jumlah pelancong yang datang ke Negeri Kedah (Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Kedah, 2007).

v. Kedudukan Produk Pelancongan Yang Bertaburan Di Seluruh Negeri

Secara keseluruhannya, produk pelancongan di Negeri Kedah terletak bertaburan antara satu dengan yang lain dan jauh dengan pusat-pusat tumpuan penduduk kecuali di Langkawi. Ini menyukarkan pergerakan pelancong ke sesebuah destinasi kerana melibatkan kos yang tinggi, perjalanan yang lebih panjang yang menyumbang kepada kemerosotan minat pelancong terhadap destinasi. Sebagai contoh, Tasik Pedu merupakan sebuah tasik buatan manusia berpotensi dijadikan produk pelancongan tetapi jaraknya yang jauh di pedalaman menyukarkan ketibaan pelancong ke sana. Selain itu, kedudukan yang bertaburan juga menyukarkan pembentukan pakej-pakej pelancongan bagi menarik pelancong.

vi. Kualiti Produk dan Perkhidmatan

Kebanyakan destinasi pelancongan di Negeri Kedah masih dibelenggu dengan tahap kualiti perkhidmatan dan produk yang rendah. Masalah-masalah utama yang dihadapi oleh kebanyakan destinasi utama Negeri Kedah adalah :

- Kebersihan : meliputi tandas dan pemungutan sampah yang tidak efisyen terutama pada waktu puncak (musim percutian).
- Tempat Letak Kenderaan : kebiasaannya tidak teratur dan mencukupi bagi menampung kedatangan pelancong.
- Landskap pelancongan : kelemahan penyelenggaraan terhadap pokok-pokok hiasan, kolam, cat dan sebagainya.
- Vandalism : kerosakan kepada kemudahan seperti tong sampah, wakaf, kerusi dan meja, tandas, pondok telefon, papan tanda yang kurang jelas menyukarkan pelancong.
- Maklumat : pusat informasi pelancong yang amat terhad yang sepatutnya terdapat di pintu-pintu masuk utama pelancong (jalan raya, jeti dan lapangan terbang) serta pusat-pusat persinggahan (R&R).
- Perkhidmatan feri ke Langkawi : kelemahan penyelenggaraan, tempat letak kenderaan yang tidak sistematik di jeti, tiada ruang khas untuk bagasi, membawa muatan berlebihan, jadual perjalanan yang tidak tepat, layanan yang tidak memuaskan kepada penumpang, pemunggahan barang, keselamatan dan keselesaan penumpang terutama berlakunya kecemasan.

Jumlah kemasukan pelancong berlaku secara tidak terkawal dan pencerobohan menyebabkan kerosakan hidupan laut yang terdapat di Taman Laut Pulau Payar. Aktiviti pelancong yang tidak terkawal seperti scuba diving, berenang dan pencemaran menyebabkan hampir 25% terumbu karang di perairan tersebut musnah. Kerajaan negeri

memandang serius permasalahan ini dengan menutup Pulau Payar selama beberapa bulan bagi tujuan pemeliharaan (Utusan Malaysia, 11 Disember 2005).

PENYELESAIAN

i. Menentukan Arah Tuju Pelancongan Negeri Kedah Seterusnya

Sebelum tahun 1990, pendapatan utama Negeri Kedah disumbangkan oleh sektor pertama (pertanian, pembalakan serta perlombongan) dan sektor kedua (pembuatan). Kini, pendapatan utama Negeri Kedah telah beralih kepada sektor perkhidmatan (termasuk pelancongan) berbanding sektor-sektor ekonomi lain yang semakin mengecil. Kerajaan negeri juga melalui dasar-dasar sedia ada berhasrat menjadikan pelancongan sebagai salah satu sumber ekonomi pada masa depan. Bagi menghadapi cabaran masa depan dan situasi ekonomi dunia yang fleksibel, kerajaan negeri perlu menyediakan satu rancangan pelancongan yang khusus sama dengan sektor ekonomi yang lain bagi menggalak dan memandu perkembangannya Aspek-aspek yang perlu diberi tumpuan adalah :

- Menentukan tempoh bagi perancangan dan pelaksanaan program pelancongan sama ada jangka pendek, sederhana dan panjang.
- Melakukan analisis terhadap produk pelancongan sedia ada bagi mengenalpasti kekuatan, kelemahan, potensi dan cabaran serta tindakan yang perlu diambil bagi mengatasi kekurangan yang timbul.
- Mengkategorikan setiap produk pelancongan di Negeri Kedah sama ada mampu menembusi pasaran antarabangsa ataupun negara. Ini dapat memastikan perancangan, pembangunan, dana dan pemasaran hanya tertumpu kepada produk-produk yang berdaya saing sahaja.
- Mengenalpasti gelagat pelancong yang datang ke Negeri Kedah berdasarkan negara, aktiviti yang disukai, keperluan terhadap kemudahan dan perkhidmatan serta corak perjalanan. Ini memastikan pembangunan produk yang disediakan dapat memenuhi kehendak pelancong.
- Mewujudkan satu pelan kecemasan bagi mengatasi isu-isu semasa dan global yang memberi kesan kepada perkembangan pelancongan.
- Mengenalpasti tarikan-tarikan baru yang mampu memenuhi kehendak pelancong yang sentiasa berubah.
- Perancangan dan pembangunan hanya tertumpu kepada produk-produk yang berpotensi diketengahkan dan berdaya saing sahaja bagi menarik pelancong.
- Pembentukan zon-zon pelancongan yang mempunyai tema-tema tertentu berdasarkan sumberjaya pelancongan sedia ada.
- Menggalakkan penglibatan penduduk tempatan dalam pelancongan terutamanya di kawasan luar bandar.
- Mewujudkan satu sistem pengkalan data dan informasi yang lengkap bagi tujuan promosi dan memantau perkembangan destinasi.
- Membentuk pakej-pakej pelancongan yang menarik bagi memanjangkan kadar bermalam dan perbelanjaan pelancong domestik di Negeri Kedah.

ii. Penubuhan Sebuah Badan Pelancongan Negeri Kedah

Bagi memastikan perkembangan pelancongan Negeri Kedah berada di landasan yang betul serta menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi, perlunya diwujudkan satu badan yang bertindak dalam menggalakkan pelancongan negeri. Tugas-tugas utama badan adalah :

- Menjalankan dan merangka perancangan dan pembangunan produk pelancongan Negeri Kedah.

- Menjalankan aktiviti promosi dan pemasaran secara agresif di peringkat negara dan antarabangsa bagi menarik kedatangan pelancong.
- Mengenalpasti pelabur-pelabur dalam dan luar negara yang berpotensi serta menawarkan pakej yang menarik bagi menggalakkan mereka menanam modal dalam pelancongan Negeri Kedah (resort, pengangkutan, kemudahan sokongan pelancong dan sebagainya).
- Menjalinkan kerjasama dengan agensi kerajaan, swasta dan badan bukan kerajaan secara lebih akrab bagi menggalakkan perkembangan pelancongan Negeri Kedah seperti Kementerian Pelancongan, Persatuan Agensi Pelancongan Asia Pasifik (PATA), Persatuan Agensi Pelancongan dan Pengembaraan Malaysia (MATTA), Persatuan Hotel Malaysia (MAH), Tabung Hidupan Liar Malaysia (WWF), Persatuan Homestay Malaysia, Persatuan Pelancongan Negeri, Pengusaha Feri Langkawi dan sebagainya.
- Melahirkan sumber manusia yang terlatih dalam semua subbidang pelancongan bagi menawarkan perkhidmatan yang terbaik kepada pelancong yang mengunjungi Negeri Kedah.
- Menggerakkan semula kerjasama dengan agensi-agensi pelancongan lain di peringkat Wilayah Pertumbuhan Segitiga Malaysia – Indonesia – Thailand (IMT – GT).
- Menyelesaikan isu-isu pelancongan yang dikemukakan oleh pelancong atau pihak-pihak lain dengan segera.

PENUTUP

Pelancongan merupakan industri yang unik dimana pelancong sanggup datang ke sesuatu destinasi dan membelanjakan sejumlah wang mendapatkan produk yang diinginkan. Kedatangan pelancong ke sesuatu destinasi mewujudkan permintaan terhadap pelbagai kemudahan dan perkhidmatan. Oleh itu, pelancongan telah membuka mata ramai pihak yang berkepentingan (stakeholder) untuk terlibat secara langsung dalam industri kerana menjanjikan pulangan yang lumayan, peluang-peluang kerja baru dan keusahawanan dalam pelbagai subbidang pelancongan. Walau bagaimanapun, perlu difahami pelancongan merupakan industri yang sensitif kepada suasana persekitaran yang sentiasa berubah serta amat bergantung kepada keunikan sesuatu tarikan. Pembangunan secara ad-hoc akan merosakkan tarikan dengan kadar yang terlalu pantas menyebabkan pelancong menjauhi destinasi secara beransur-ansur dalam jangka masa panjang. Kebaikan yang diperolehi daripada pelancongan hanya dinikmati dalam tempoh masa pendek dan tidak menyeluruh. Industri pelancongan di Negeri Kedah masih dianggap baru berdasarkan tempoh pelaksanaannya. Bagi memastikan pelancongan dapat menyumbangkan manfaat kepada negeri secara berterusan, perkembangannya perlulah dipantau dan dinilai semula sepanjang masa supaya terus kekal sebagai penyumbang utama ekonomi negeri.

RUJUKAN

Hall. C.M. & Weiler, B. (1992). What's Special About Special Interest Tourism?. Hall. C.M. & Weiler, B. (Ed), *Special Interest Tourism*. New York: John Wiley & Sons.

Jabatan Perancangan Bandar Negeri Kedah (2005). *Draf Rancangan Struktur Negeri Kedah 2000 – 2020*. Alor Star: JPBD.

Jabatan Perancangan Bandar Negeri Kedah (2003). *Laporan Teknikal Rancangan Struktur Negeri Kedah 2000 – 2020*. Alor Star: JPBD.

Kerajaan Negeri Kedah (2000). *Laporan Kedah Maju 2010*. Alor Star: Unit Perancangan Ekonomi Negeri Kedah.

Kerajaan Negeri Kedah (2008). *Official Kedah State Government Tourism Portal : Places To Go*. Dicapai pada Julai 15, 2008 daripada <http://www.visitkedah.gov.my>

Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Kedah (2007). *Data Kemasukan Pelancong Ke Negeri Kedah 1995 – 2006*. Alor Star: MTPN Kedah.

Sime Darby Berhad. (2007). *Northern Corridor Economic Region Sosioeconomic Blueprint 2007 – 2025*. Kuala Lumpur: Wisma Sime Darby.

Utusan Malaysia. (2008). Hotel Tawar Harga Istimewa Seminar. Dicapai pada Julai 10, 2008 daripada <http://www.utusan.com.my>

Utusan Malaysia (2008). Tambang Feri Langkawi Naik Mendadak. Dicapai pada Julai 10, 2008 daripada <http://www.utusan.com.my>

Utusan Malaysia (2006). Kerajaan Tolak Status Langit Terbuka Untuk Langkawi. Dicapai pada Julai 10, 2008 daripada <http://www.utusan.com.my>

Utusan Malaysia (2005). Kedah Tutup Pulau Payar Disambut Baik. Dicapai pada Julai 10, 2008 daripada <http://www.utusan.com.my>

World Tourism Organization. (2008). *Fact & Figures : UNWTO Tourism Highlights 2007 Edition*. Dicapai pada Mac 20, 2008 daripada <http://www.unwto.org>